



Institut Pertanian Sarawak

Ditubuhkan pada tahun 1983, Institut Pertanian Sarawak adalah sebuah Institusi Latihan Jabatan Pertanian Sarawak yang kompeten dan berpengalaman luas dalam bidang latihan, khususnya dalam penguasaan modal insan untuk sektor pertanian.

Institut ini menawarkan latihan teknikal dan berkualiti dalam pelbagai aspek pertanian, meliputi bidang pengurusan dan teknologi penguasaan tanaman, memproses hasil pertanian, ternakan, perladangan, mekanisasi ladang dan landskap.

MISI INSTITUT PERTANIAN SARAWAK

- Menyediakan tenaga mahir peringkat koperatif bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sektor dan swasta.
- Membentuk bakal usahawan tani yang berketrampilan dan mempunyai jati diri yang tinggi.
- Menyediakan laluan bagi pelajar menyambung pengajian ke tahap yang lebih tinggi

MATLAMAT PROGRAM

Graduan Sijil Pertanian akan mempunyai ilmu pengetahuan teori, kemahiran pertanian, kemahiran insaniah dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan kemajuan dan cabaran teknologi dalam bidang pertanian.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Sijil Pertanian Malaysia yang telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

JANGKAMASA PROGRAM

Program ini mengambil masa selama dua tahun (empat semester). Setiap sesi tahun pengajian mengandungi dua semester dan setiap semester terdiri daripada 16 minggu pengajian dan dijalankan secara sepenuh masa. Program Sijil Pertanian merangkumi 63 jam kredit untuk layak dianugerahkan sijil.

STRUKTUR PENGAJIAN

Untuk mencapai matlamat Institut Pertanian, sukatan pelajaran disediakan mengikut kumpulan kursus berikut :

- Kursus wajib meliputi kursus umum, teras dan pengkhususan.
- Pelajar hanya dibenarkan memilih satu daripada 6 kursus pengkhususan yang ditawarkan.

Semua pelajar wajib mengikuti Latihan Industri (LI) selama lapan (8) minggu pada akhir Semester IV. Latihan ini diadakan samada di sektor swasta atau kerajaan.

KURSUS-KURSUS PROGRAM SIJIL PERTANIAN

Tahun 1	
Semester I	Semester II
Pendidikan Islam I	Pendidikan Islam II
Asas Pendidikan Moral	Pendidikan Moral
Aplikasi Komputer	Mekanik Pertanian
Kejuruteraan Pertanian	Tanaman Buah-buahan
Pengurusan Tanaman Sayuran dan Kontan	Hortikultur Hiasan
Tanaman Industri	Asas Pengurusan Ternakan
Pengurusan Tanah	Asas Pemprosesan Makanan
Perlindungan Tanaman	Padi dan Pertanian Berpotensi Tinggi
Tahun 2	
Semester III	Semester IV
Communicative English I	Communicative English II
Tamadun Islam	Pengurusan Am
Keusahawanan	Perniagaan Tani
Pengembangan Pertanian	Pengkhususan
Pengkhususan	
• Landskap I	• Landskap II
• Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan (Sayur-sayuran)	• Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan (Buah-buahan)
• Teknologi Memproses Hasil Pertanian	• Teknologi Memproses Hasil Pertanian
• Mekanisasi Ladang	• Mekanisasi Ladang
• Pengurusan Estet	• Pengurusan Estet
• Pengurusan Ternakan	• Pengurusan Ternakan

PEMBAIYAAAN KOS PENGAJIAN

Kos pengajian dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian Sarawak .

PROSPEK KERJAYA

Graduan Institut Pertanian boleh memilih untuk bekerja, samada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan pertanian. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta.

PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut :

- Warganegara Malaysia berumur di antara 17 hingga 25 tahun pada masa program kursus bermula.
- Berkelulusan SPM dan mempunyai kelayakan yang diperolehi dalam peperiksaan seperti berikut :
 - Lulus dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
 - Lulus dalam Bahasa Inggeris dan
 - Lulus dalam matapelajaran Matematik dan
- Kepujian dalam salah satu mata pelajaran iaitu Sains Pertanian, Sains, Geografi, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Prinsip Perniagaan, Asas Perakaunan, Perniagaan dan Keusahawanan, Matematik Tambahan, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pengeluaran Tanaman, Pengeluaran Ternakan, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Ekonomi Rumahtangga, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Teknologi Binaan Bangunan, Kerja Kayu dan Bata, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Kerja Kimpalan, Teknologi Automotif, Menservis dan Membaiki Kenderaan, Asas Pemprosesan Maklumat, Teknologi Katering, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Pengajian Agroteknologi, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Makanan, Katering dan Penyajian, Landskap dan Nurseri, Tanaman Makanan, Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri, Membuat Roti dan Patisserie dan
- Berjaya dalam temuduga yang dijalankan dan
- Belum berkahwin.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

PENGETUA,
Institut Pertanian Sarawak,
KM 20 Jln. Kuching/ Serian, Semongok,
93250 Kuching.
Tel : 082-611341/2/3
Fax : 082-611662
atau layari :
www.doa.sarawak.gov.my

